

21/10/2003

Nora kongsi cinta dengan peminat

Suraiya Mohd Nor

SELAMA sedekad membabitkan diri dalam seni suara, Wan Nora Afiza atau lebih dikenali sebagai Nora muncul dengan album kompilasi berjudul Nora Cinta Satu Dekad sebagai buah tangan terbarunya kepada peminat.

Album yang mengandungi 16 lagu hit dan bermakna dalam detik kerjaya seninya, turut memuatkan tiga lagu baru, Gerhana Kasih, Secukup Rasa dan Dilema 03 (dulunya Di Persimpangan Delima).

Gerhana Kasih adalah lagu baru berentak pop kontemporari ciptaan Azlan Abu Hassan dengan lirik oleh Johan Nawawi manakala Secukup Rasa, berentak joget dengan penampilan istimewa Chef Wan.

Paling menarik dalam album terbitan labelnya sendiri E2Muzik dan diedarkan Universal Muzik Malaysia (UMM) adalah kemunculan juara Akademi Fantasi (AF), Vincent Chong (Vince).

Mereka berduet membawakan lagu yang dulunya dikenali sebagai Di Persimpangan Dilema dan diberi nafas baru dengan susunan muziknya diubah Eddie Marzuki.

Lagu Dilema 03 paling bermakna dalam hidup Nora kerana berjaya meletakkan namanya sebaris artis popular selain meluaskan lingkungan peminatnya di kalangan bukan Melayu.

Pada pelancaran album kompilasinya di Planet Hollywood baru-baru ini, Nora berkata matlamat utama menerbitkan album ialah berkongsi dengan peminat pencapaian 10 tahun (lebih tepat 11 tahun) menyertai bidang ini.

"Lagu dalam album ini adalah lagu terpilih yang mempunyai kenangan tersendiri serta mempunyai impak kepada peminat. Memang Nora ada pilihan sendiri tetapi kami adakan sesi sumbangan saran untuk memilih lagu sesuai yang turut mengambil kira pendapat peminat," katanya.

Hadir sama pada majlis pelancaran album itu adalah Pengarah Urusan UMM, Sandy Monteiro, Johan Nawawi, Adnan Abu Hassan dan Vince.

Menyentuh mengenai lagu Secukup Rasa, Nora menjelaskan ia ada kaitannya dengan projek buku masakunya yang diterbitkan November ini.

Selepas muncul sebagai penyanyi popular, punya rumah tangga bahagia serta dikurnia anak yang sihat dan montel, hasratnya kini untuk mengadakan konsert sebagai kemuncak kerjaya seninya. Dia berharap impian itu menjadi kenyataan.

Antara lagu dimuatkan dalam album ini adalah Interlud, Katakanlah, Naluri, Jentayu, Renungan Terakhir, Bebas Berlari, Hanya Satu, Desa Tercinta, Menyemai Cinta dan lagu berdasarkan puisi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perjuangan Belum Selesai.